employment as a public servant, you will, throughout such employment, comply with the provision of the General Orders applicable to your employment within the Federation of Malaya.

The plaintiff accepted the appointment on these conditions.

Mahkamah Persekutuan memberi pendapat seperti berikut:

While it is true that the Kathi whose service is terminated under such a contract has lost a steady job, the termination does not involve a penalty or punishment so as to make it a dismissal within the meaning of Article 135(2) of the Constitution and it is not, therefore, necessary first to give him a reasonable opportunity of being heard. Dismissal as used in the public service is not any termination of service -- it has special meaning and involves a penalty or punishment.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

LINGGAM A/L SUNDARAJOO

lwn.

MAJLIS AGAMA NEGERI KEDAH DARULAMAN

MAHKAMAH TINGGI, ALOR SETAR
TUAN MOHD NOOR BIN HAJI ABDULLAH PK
[SAMAN PEMULA NO.24-628-93]
7 OGOS 1993

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN : Permohonan untuk deklarasi - Simati dikatakan telah memeluk agama Islam - Plaintif mengatakan simati menghidap penyakit jiwa semasa ia diislamkan - Sama ada simati mempunyai akal fikiran yang waras atau sempurna semasa ia memeluk agama Islam - Sama ada peruntukan Enekmen Undang-Undang Pentadbiran Islam 1962 atau peraturannya mengenai simati memeluk agama Islam dipatuhi sepenuhnya.

Dalam kes ini mayat simati diperebutkan oleh keluarganya, yang mendesak bahawa simati semasa hayatnya adalah penganut agama Hindu, dan Majlis Agama Islam, Kedah (MAIK), yang menggatakan bahawa simati adalah seorang Islam yang telah memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993.

Plaintif, adik simati, telah memfailkan tindakan untuk injunksi melarang MAIK dari mengambil keluar mayat simati dari hospital ataupun mengkebumikannya dan untuk pengisytiharan, bahawa simati adalah seorang penganut agama Hindu seumur hidupnya termasuk ketika ia mati dan bahawa Enekmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Kedah 1962 dan peraturan di bawahnya tidak membenarkan seorang bukan Islam yang menghidap penyakit jiwa tukar kepada agama Islam.

Keterangan pihak plaintif ialah bahawa simati telah dimasukkan ke wad sakit jiwa Hospital Besar Alor Setar setelah dia didapati berceloteh, bercakap besar, menjerit kepada anak-anak, mengganggu orang lain dan berkelakuan tidak senonoh. Doktor yang merawat simati di hospital (SP1) telah memberi keterangan bagi pihak plaintif dan mengatakan bahawa simati diserang penyakit hypomania dan mengatakan seterusnya bahawa selagi pesakit hypomania tidak mendapat rawatan, ia tidak akan dapat mengawal fikirannya dan fikirannya adalah tidak waras.

Kes defendan pula disokong oleh keterangan dari Ketua Pakar Perunding Psikiatrik Hospital Besar Kuala Lumpur (SD4) yang mengatakan bahawa seorang pesakit hypomania boleh berada dalam keadaan remission atau relapse dimana dalam keadaan remission pesakit boleh berfungsi seperti biasa dan membuat keputusan sendiri.

Mahkamah dikehendaki membuat keputusan sama ada simati mempunyai akal fikiran yang waras atau sempurna semasa ia memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993 dan sama ada peruntukan Enekmen Undang-Undang Pentadbiran Islam 1962 atau peraturannya mengenai simati memeluk agama Islam dipatuhi sepenuhnya.

Diputuskan:
[1] Pada menimbangkan keterangan isteri simati dan membandingkannya dengan keterangan tuan Kadi serta pegawai pembantunya dan menimbangkan pendapat SP1 dan membandingkannya dengan pendapat SD4, adalah didapati atas imbangan kebarangkalian bahawa adalah lebih mungkin simati berakal fikiran sempurna semasa beliau memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993 dari kemungkinan beliau tidak sempurna akal disebabkan penyakit hypomania.

[2] Mahkamah adalah berpuashati dari keterangan-keterangan yang diberikan bagi pihak defenden bahawa peruntukan Enekmen Undang-Undang Pentadbiran Islam 1962 dan peraturan di bawahnya telah dipatuhi mengenai simati memeluk agama Islam.

[Permohonan plaintif ditolak dengan kos. Perintah injunksi yang diperolehi oleh plaintif diketepikan dengan kos].

Kes-kes yang dirujuk:
Dalip Kaur lwn. Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam [1991] 3 CLJ 2768 / [1992] 1 MLJ 1 ***(dirujuk)***
Ng Wan Chan lwn. MUI WP [1991] 2 CLJ 1559 / [1991] 3 MLJ 174 @ 176 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Enekmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Kedah 1962, ss. 139, 140, 141

Bagi pihak plaintif - George John; T/n George John & Co.
Bagi pihak defendan - Mohd. Shakri bin Abd. Razak; T/n Choe Shakri & Hamzah.

ALASAN PENGHAKIMAN

Mohd Noor bin Haji Abdullah PK:
Seorang insan mati disebabkan sakit jantung di Hospital Besar Alor Setar pada 26 Julai 1993 dan mayatnya diperebutkan oleh keluarganya dan Majlis Agama Islam, Kedah (MAIK). Keluarganya mendesak bahawa simati semasa hayatnya adalah penganut agama Hindu manakala MAIK bertahan bahawa simati adalah orang Islam yang telah memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993. Mayat simati sekarang disimpan di bilik mayat Hospital Besar Alor Setar.

Keluarga simati, melalui adik simati, telah memfailkan tindakan dua-sasaran berbentuk injunksi dan pengisytiharan iaitu injunksi bagi melarang MAIK dari mengambil keluar mayat simati dari Hospital ataupun mengkebumikannya dan pengisytiharan bahawa:

(1) simati ialah seorang penganut agama Hindu seumur hidupnya termasuk ketika ia mati; dan
(2) Enekmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Kedah 1962 dan peraturan di bawahnya tidak membenarkan seseorang bukan Islam yang mengidap penyakit jiwa tukar kepada agama Islam.

Mengenai tindakan injunksi plaintif, Mahkamah telah mengeluarkan perintah sementara pada 29 Julai 1993 bagi melarang MAIK dari mengambil mayat simati atau mengkebumikannya dan perintah tersebut telah dilanjutkan pada 31 Julai 1993 sehingga diperintah selainnya atau sehingga kes ini diselesaikan.

Kes plaintif

Plaintif bagi menyokong tindakannya telah memfailkan 2 afidavit yang diikrarkan olehnya sendiri dan oleh isteri simati. Kedua-dua mereka telah juga memberi keterangan bersumpah di Mahkamah terbuka. Seorang doktor yang merawat simati jua memberi keterangan bersumpah bagi pihak plaintif.

SP3 isteri simati berikrar bahawa dia telah berkahwin dengan simati di Kuil Subramaniam Jalan Putra, Alor Setar mengikut adat agama Hindu 30 tahun dahulu dan dikurniakan 4 orang anak. Mereka hidup cara Hindu. Pada 1992 menjelang Deepavali simati berkelakuan

luarbiasa dan dimasukkan ke wad sakit jiwa Hospital Besar Alor Setar. SP3 berkata simati berceloteh, bercakap besar, menjerit kepada anak-anak, mengganggu orang lain dan berkelakuan tidak senonoh. Polis menahan dan menghantarnya ke hospital dan dimasukkan ke dalam wad. Simati makan masakan daging babi dan sembahyang di Kuil Hindu.

SP2 (plaintif) pula berikrar bahawa simati ialah abangnya dan simati sakit sejak 1992. Dia selalu berjumpa simati 2 kali seminggu dan mendapati simati cakap dan buat ikut sesuka hatinya, gelisah dan tak duduk diam. Dia tidak seperti orang biasa.

SP1 Dr. Ab. Mutalib, Pegawai Perubatan Kanan di Unit Psikiatrik Hospital Besar Alor Setar menerangkan perkara berikut:

(1) Simati dimasukkan ke wad rawatan psikiatrik sebanyak 4 kali pada:

23 Oktober 1992 sehingga 31 Oktober 1992

13 Disember 1992 sehingga 23 Disember 1992

3 Jun 1993 sehingga 15 Jun 1993

21 Julai 1993 sehingga 26 Julai 1993 (lihat eks.LS4)

(2) Bila SP1 merawat simati pada bulan Disember 1992 beliau mendapati simati bercakap banyak dan berkelakuan garang. SP1 berpendapat simati mengalami penyakit acute excitement. Bila SP1 merawat simati pada bulan Jun 1993 beliau mendapati simati bercakap banyak dan dalam keadaan elated mood iaitu gelak ketawa dan seronok sendiri. SP1 berpendapat simati diserang penyakit hypomania.

(3) SP1 mentakrifkan penyakit hypomania sebagai sejenis penyakit jiwa yang digejalai oleh perubahan tingkahlaku dan emosi atau pemikiran. Symtomnya ialah gelisah, cakap banyak dan membanggadiri.

(4) SP1 berpendapat penyakit simati berulang lagi 2 minggu selepas bulan Disember kerana simati tidak datang mendapat rawatan setelah dikeluarkan wad dan diberi ubatan untuk tempoh dua minggu sahaja.

(5) Fikiran seorang pesakit hypomania adalah tidak waras dan apabila mendapat rawatan dia boleh mengawal fikirannya dan apabila tidak mendapat rawatan penyakitnya berulang semula.

(6) SP1 tidak bersetuju pesakit hypomania adalah sejenis penyakit yang adakalanya dia sakit dan adakalanya dia tak sakit, walaupun tak mendapat rawatan.

Kes Defendan

Defendan bagi mempertahankan pendiriannya telah memfailkan 3 afidavit yang diikrarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MAIK, Hakim Mahkamah Syariah Daerah Kota Setar yang mengislamkan simati dan Pegawai Pembantu Agama yang memproses kemasukan Islam simati. Mereka juga memberi keterangan lisan bersumpah. Seorang doktor pakar perunding telah juga memberi keterangan bersumpah bagi pihak defendan.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa (SD1) menegaskan bahawa dalam agama Islam jika seseorang itu didapati mengalami sakit jiwa ataupun gila dan adakalanya ia baik dan waras maka pada masa kewarasannya beliau boleh membuat keputusan dan keputusan yang dibuat pada masa itu adalah mengikat dirinya pada masa waras dan boleh diterima oleh syarak iaitu agama Islam.

Hakim Mahkamah Syariah (SD2) berikrar bahawa simati telah datang ke pejabatnya pada 18 Mei 1993 untuk memeluk agama Islam. Beliau telah menemuramah simati dan mendapati beliau telah memberi kerjasama yang baik dan tidak menunjukkan beliau mengalami tekanan jiwa maupun sakit jiwa. Setelah beliau pastikan simati relahati masuk Islam tanpa paksaan atau ugutan beliau telah mengislamkannya menurut undang-undang. Simati memilih nama Omar Veera b. Abdullah dan satu kad Pendaftaran Islam telah dikeluarkan kepada simati dengan nama tersebut.

Pegawai Pembantu Agama (SD3) pula berikrar bahawa simati telah datang ke pejabat Kadi Daerah Kota Setar pada 15 Mei 1993 untuk berjumpa tuan Kadi kerana beliau hendak memeluk agama Islam. Beliau datang tanpa ditemani dan dilihat seperti orang biasa. Beliau disuruh datang pada tarikh lain kerana tuan Kadi tiada. Beliau datang semula pada 18 Mei 1993 untuk berjumpa dengan Kadi. SD3 membantu (simati) mengisi borang "Ikrar Orang Yang Masuk Islam" (eks.D5). Dia berurusan dengan mesra dan tidak menunjukkan tingkahlaku yang luarbiasa.Simati dibawa masuk berjumpa Kadi bersama dengan borang tadi dan diIslamkan.

SD3 mendaftarkan borang tadi ke dalam Buku Daftar Orang Masuk Islam (eks. D3) dan menghantar borang itu ke MAIK untuk mendapatkan Kad Pendaftaran Islam. Simati datang mengambil Kad Pendaftaran Islamnya pada 15 Jun 1993.

SD4 Ketua Pakar Perunding Psikiatrik Hospital Besar Kuala Lumpur menerangkan perkara berikut:

(1) Menurut beliau, hypomania ialah salah satu phasa penyakit manic-depressive psychosis (MDP) dan ia mengganggu perasaan bukan fikiran. Penyakit ini menjelma dengan menampilkan perangai luarbiasa seperti cepat marah, kepercayaan dia mempunyai kuasa yang lebih.

(2) Seorang pesakit manic-depressive psychosis fasa hypomania boleh berada dalam keadaan remission atau relapse. Dalam keadaan remission pesakit boleh berfungsi seperti biasa dan membuat keputusan sendiri dan kadangkala mereka lebih baik dari orang biasa. Penyakit ini tidak berterusan dan mempunyai prognosis yang lebih baik dari psychophrenia.

(3) Pesakit hypomania adakalanya diserang 2-6 kali setahun dan ini dipanggil rapid cycles dan ada pula diserang 1-2 kali setahun. Menurut catatan Dr. Ab. Mutalib (SP1) simati mengalami 2 cycles dalam masa 6 bulan dan menurut SD4 ini menunjukkan bahawa simati mengalami *relapses* dan *remission* dalam masa setahun.

Isu Yang dipertikaikan

Saya membuat rumusan bahawa Mahkamah hendaklah membuat keputusan atas 2 perkara atau isu.

Pertama:

Samada simati mempunyai akal fikiran yang waras atau sempurna semasa ia memeluk agama Islam di depan Kadi pada 18 Mei 1993.

Kedua:

Samada peruntukan Enekmen Undang-Undang Pentadbiran Islam 1962 atau peraturannya mengenai simati memeluk agama Islam dipatuhi sepenuhnya.

Fikiran yang sempurna

(1) Saya dapati pernyataan plaintif dalam afidavitnya dan keterangannya di Mahkamah adalah tidak benar. Beliau cuba menonjolkan kepada Mahkamah kononnya dia selalu berjumpa simati dan melihat perangainya cakap banyak, gelisah dan tak duduk diam. Tetapi menurut lapuran polis yang dia sendiri melapurkan dan kemukakan (Eks. bertanda S-2 Aff. SP2) dia berkata: "Keluarga saya dan saudara-mara semua tidak diberitahu yang Veerayah ada mengidap penyakit jiwa tahun 1992 sehingga sekarang." Ini bermakna plaintif tidak pernah melawat simati di hospital, mungkin tidak berjumpa dan tidak tahu simati adalah pesakit jiwa. Ini bertentangan dengan keterangannya.

Jika apa yang dilaporkan ini benar, nampaknya semua saudara-maranya telah membiarkan simati membawa nasib sehingga tiada yang tahu dia sakit jiwa dan masuk hospital.

(2) Saya terima keterangan isteri simati (SP3) bahawa simati berkelakuan luarbiasa menengking anak-anaknya, mengganggu orang dan berkelakuan tidak senonoh, tidak pernah sembahyang secara orang Islam dan mungkin jua makan masakan daging babi.

Walaupun demikian sekiranya sah dia masuk Islam perkara tersebut tidak menjadikannya murtad atau Islamnya tak sah. *Dalip Kaur lwn. Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam* [1992] 1 MLJ 1.

Adakah keadaan begitu terus menerus saban hari selama 5 bulan?

Adalah sukar untuk menerima bahawa simati berkelakuan sedemikian berterusan setiap masa. Adakah selama 5 bulan isteri simati menahan ragam simati tanpa mendapatkan rawatan. Ini bertentangan dengan pendapat pakar perunding SD4 bahawa sekiranya simati mendapat relapse sesiapa yang berdekatan dengannya akan membawanya ke hospital.

(3) Saya percaya dan menerima keterangan tuan Kadi (SD2) dan pegawai pembantunya (SD3) tentang keadaan fizikal dan mental simati yang dia (simati) bekerjasama, mesra dan berkelakuan baik seperti orang biasa. Jika simati mengalami keadaan relapse adalah sukar hendak diterima seorang Hakim Mahkamah Syariah sanggup mengislamkannya dan menjadikannya beban kepada MAIK. Kemungkinannya ialah simati mengalami keadaan remission ketika itu dan berurusan seperti orang biasa.

(4) Tindakan dan perilaku simati seperti bersengaja pergi bersendirian ke pejabat Kadi, gagal pada 15hb. dia datang lagi pada 18hb., mengaku mempunyai bapa saudara bernama "Pakchik Mahmud" yang telah memeluk agama Islam, tahu memberi salam dan tahu pula (Saidina) Omar orang kuat Nabi Mohammad s.a.w. dan mudah mengajarnya lafaz syahadah, dia datang membawa gambarnya dan memberi butiran peribadi yang tepat dan betul kesemua ini apabila dihalusi keseluruhannya berpusat kepada satu kesimpulan bahawa simati mempunyai akal fikiran yang sempurna semasa dia masuk agama Islam.

Kesimpulan saya di atas diperkuatkan oleh keterangan SD4 bahawa seorang pesakit hypomania boleh mengalami dua keadaan yang berlainan iaitu normal atau seperti biasa semasa remission dan luarbiasa semasa relapse. Mentelah apabila diperkatakan seterusnya bahawa hypomania yang tidak menjangkau ke peringkat manic-depressive-psychosis sekadar mengganggu perasaan bukan fikiran. SP1 tidak sependapat dengan SD4. Menurut SP1 hypomania adalah gangguan terhadap perasaan dan fikiran. Seterusnya SP1 berpendapat bahawa penyakit simati berulang dua minggu selepas dia keluar wad sebab ubatan yang diberi hanya untuk jangkamasa 2 minggu. Ini bermakna (disimpulkan bukan diperkatakan) simati semasa memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993 sedang sakit hypomania dan tidak sempurna fikirannya.

Saya dengan hormatnya menolak keterangan pakar SP1 lantaran beliau tidak berpegang teguh kepada pendirian dan pendapatnya. Setelah memberi pendapat di atas SP1 mengubah pendirian dan memberi pendapat, semasa disoalbalas, bahawa SP1 tidak dapat mempastikan samada pada 23 Disember 1992 sehingga 3 Jun 1993 simati tidak waras, simati boleh jadi waras dan boleh jadi tak waras.

Saya dapati SP1 lebih layak dari SD4 dalam memperkatakan keadaan pesakit (simati) kerana beliau memeriksa dan merawat simati tetapi saya dapati SD4 lebih layak dari SP1 dalam memperkatakan penyakit simati kerana beliau bukan saja berpengalaman malahan berkelulusan mengenainya.

Keputusan tentang isu sempurna akal.

Plaintif bergantung kepada keterangan isteri simati yang menerangkan bahawa simati sentiasa sakit sejak Deepavali 1992 sampai dia mati. Plaintif seterusnya bersandar kepada keterangan SP1 yang berpendapat simati sedang sakit hypomania semasa dia memeluk agama Islam. Disamping itu saya telah menimbangkan kemungkinan simati diserang penyakit hypomania lebih 2 minggu sebelum disahkan sakit hypomania pada 3 Jun 1993.

Defendan pula bergantung kepada keterangan tuan Kadi dan pegawai pembantu agama yang menerangkan bahawa simati seperti orang biasa dan tidak sakit. Defendan seterusnya bersandar kepada keterangan SD4 yang berpendapat penyakit hypomania adakalanya dalam keadaan remission dan adakalanya dalam keadaan relapse.

Pada menimbangkan keterangan isteri simati dan membandingkannya dengan keterangan tuan Kadi serta pegawai pembantunya dan menimbangkan pendapat SP1 dan membandingkan dengan pendapat SD4 saya dapati atas imbangan kebarangkalian bahawa adalah lebih mungkin simati berakal fikiran sempurna semasa beliau memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993 dari kemungkinan beliau tidak sempurna akal disebabkan penyakit hypomania.

Isu Kedua

Seksyen 139 Enekmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1962 menghendaki MAIK menyelenggara buku daftar nama semua orang yang memeluk agama Islam.

Eksibit D3 ialah Buku Daftar yang dimaksudkan dan walaupun Pejabat Kadi Daerah Kota Setar menyelenggarakannya dan bukan MAIK saya berpendapat peruntukan ini telah dipatuhi kerana pejabat agama adalah di bawah MAIK.

Seksyen 140 menetapkan tiada seseorangpun boleh memeluk agama Islam melainkan menurut undang-undang Islam dan Enekmen ini. Menurut undang-undang Islam seseorang itu hendaklah:

(1) mengucap dua kalimah syahadat.
(2) faham maksudnya iaitu dia ikrar dan mengaku dengan lidah serta yakin dan percaya dengan hati bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah.
(3) mengucap dengan kerelaan hatinya sendiri.
(4) baligh dan sempurna akal *Ng Wan Chan lwn. MUI WP* [1991] 3 MLJ 174 @ 176

Saya puashati kehendak-kehendak di atas telah dipatuhi sebagaimana terkandung dan diperakui oleh tuan Kadi dalam borang ikrar orang yang masuk Islam (Eks.D5).

Seksyen 141 menetapkan supaya seseorang yang memeluk agama Islam hendaklah dilaporkan dengan segera kepada MAIK.

Saya puashati pegawai pembantu agama telah memanjangkan borang ikrar orang yang masuk Islam (D5) kepada MAIK.

Kesimpulannya saya ialah peruntukan Enekmen itu dan peraturan di bawahnya telah dipatuhi mengenai simati memeluk agama Islam.

Oleh hal yang semikian saya menggenepikan dengan kos perintah injunksi yang dikeluarkan oleh saya pada 29 Julai 1993 dan dilanjutkan pada 31 Julai 1993 dalam SP24-619-93 dan menolak dengan kos permohonan plaintif dalam SP24-628-93.

PENDAKWA RAYA

lwn.

LOGANATHAN A/L SELLATHURAI

MAHKAMAH TINGGI, PULAU PINANG
TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ISMAIL PK
[PEMBICARAAN JENAYAH NO. 47-34-88]
23 OKTOBER 1993

DADAH BERBAHAYA: Pertuduhan mengedar dadah berbahaya - Sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie - Sama ada pembelaan boleh dipercayai - Pemakaian anggapan-anggapan di bawah ss. 37(d) dan 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada tertuduh telah berjaya menyangkal anggapan-anggapan tersebut - Sama ada tertuduh telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwa.

Orang Kena Tuduh (OKT) telah dibicarakan atas tuduhan mengedar 14.87 kilogram ganja, satu kesalahan di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut). Kes pihak pendakwaan ialah bahawa OKT telah diperhatikan oleh satu pasukan polis membimbit satu karung plastik dengan tangan kanan dan satu ikatan bungkusan dengan tangan kirinya. OKT telah ditangkap dan pemeriksaan dan ujian keatas kandungan karung plastik dan bungkusan tersebut telah dijalankan dan didapati ia mengandungi ganja seberat 14.87 kilogram.

OKT dalam keterangan bersumpahnya telah menafikan yang dia ada memegang barang-barang yang dirampas oleh polis. OKT seterusnya mengatakan bahawa dia tidak tahu isi kandungan kedua-dua plastik itu dan menerangkan bahawa seorang bernama Abdul Rashid yang berada dalam kereta yang dinaikinya telah meletakkan kedua-dua plastik tersebut atas pavement apabila OKT turun dari kereta berhampiran tempat dimana ia ditangkap.

Diputuskan:

[1] Keterangan OKT tidak dapat dipercayai oleh sebab selain dari membuat penafian yang ia memiliki barang-barang kes, dia tidak memberi keterangan lain yang boleh menyokong kesnya. Keterangan OKT bercanggah dengan keterangan SP2 dan SP4. Tiada sebab untuk SP2 dan SP4 berbohong untuk menganiaya OKT. Selain daripada itu OKT boleh memanggil